



### Atlet UPM Dominasi Intensif KPT



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah), Ketua Setiausaha KPT, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan (kanan), dan Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Dr. Hou Kok Chung (kiri) bersama atlet yang menerima insentif kecemerlangan.

**SERDANG, 25 Februari** – Seramai 24 atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) mendominasi penerimaan Insentif Kecemerlangan Sukan Atlet IPT 2009 kerana kejayaan pada Sukan Asia Tenggara Ke-25 (Sukan SEA) di Vientiane, Laos Disember tahun lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata insentif kecemerlangan itu diberikan kepada 40 atlet institusi pengajian tinggi yang berjaya menyumbang pingat dalam beberapa kejohanan peringkat antarabangsa sepanjang tahun lepas.

“Pemberian insentif ini akan memberi galakan kepada atlet yang sedang menuju kecemerlangan bukan sahaja dalam sukan tetapi juga akademik,” katanya pada majlis penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan Atlet IPT 2009 dan Sepak Mula Liga Bola Sepak IPT Piala YB Menteri Pengajian Tinggi di Stadium UPM.



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyampaikan ucapan di Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan Atlet IPT 2009 dan Sepak Mula Liga Bola Sepak IPT Piala YB Menteri Pengajian Tinggi.

Kesemua pemenang menerima insentif berjumlah keseluruhan RM155,000 termasuk komputer riba dan baucar di bawah Skim Kecemerlangan/Kebajikan, Insentif dan Penyelidikan Sukan (SKPS).

Atlet UPM yang menerima insentif kerana mendapat pingat emas Sukan SEA ialah Roslinda Samsu (Lompat Bergalah), Md Zafril Md Zaslaini (Olahraga 400M), Cheng Chu Sian (Memanah, 70M Recurve Individu Lelaki), Leong Mun Yee (Terjun, 3M Papan Anjal

Berirama Wanita), Diana Bong (Wushu, Nanquan Individu Wanita), Chai Fong Ying (Wushu, Taijiquan/Taijijian Wanita), Loh Jack Chang (Wushu, Taijiquan/Taijijian Lelaki), Tan Song Hwa (Olahraga, Tukul Besi) dan Lee Yang (Wushu).

Manakala untuk pingat perak, Md Zafril Md Zulaini (Olahraga, 4X400M Lelaki), Zaiful Zainal Abidin (Olahraga 4X400M Lelaki), Adi Aliffudin Hussin (Lontar Peluru), Anbarasi a/p Subramaniam (Memanah, 70M Recurve Individu), Kunasilan a/l Lakanathan (Karate-Do, Kumite Berpasukan) dan Mohd Jironi Riduan (Olahraga 800M dan 1500M).



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin merasmikan Liga Bola Sepak IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010 disaksikan oleh Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Liga Bola Sepak IPT.

Bagi pingat gangsa, Diana Bong (Wushu,Duilian Tanpa Senjata), Elaine Teo Shueh Fhern (Taekwondo, Flyweight 46kg), Nurul Nadia Mahamat (Taekwondo, Bantamweight Wanita atas 49kg), Siti Nor Mashitah Mohd Badrin (Menembak, 10M Air Rifle dan 10M Air Pistol), Nor Ain Ibrahim (Menembak, 50M Fifle Prone), Leong Mun Yee (Terjun, 3M Papan Anjal Wanita), Noor Aziera Taip (Wushu, Duilian dengan Senjata Changguans) dan Muhammad Hafizuddin Sahadan (Olahraga, Lompat Bergalah).

Sementara itu, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata KPT bakal menyediakan skim insurans kepada atlet untuk meningkatkan motivasi mereka dalam mengejar kejayaan dalam arena sukan.

Kementerian Pengajian Tinggi juga memperkenalkan pertandingan Liga Bola Sepak IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010 yang merupakan salah satu usaha pihak kementerian untuk meningkatkan lagi pembangunan sukan di negara ini.

Perlaksanaan program itu selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan 30% atlet negara yang terdiri daripada pelajar IPT dan secara tidak langsung memberikan sokongan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam melahirkan pemain bola sepak bertaraf antarabangsa.

Pertandingan yang terbahagi kepada tujuh zon itu mempertandingkan pasukan UPM, UiTM, UPM, USIM, UPNM, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Azlan Shah, KK Gerik dan KK Sabak Bernam) dalam Zon Tengah 1.

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Noor Eszereen Juferi-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia